

UMP jalin kerjasama dengan NIU tawar program dwi-ijazah



Amerika Syarikat, 11 Februari 2015 – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan rakan strategik Northern Illinois University (NIU) bagi menawarkan program dwi-ijazah kejuruteraan teknologi untuk program Pembuatan, Elektrik dan Tenaga dan Alam Sekitar.

Kerjasama ini bakal menyaksikan graduan bagi ketiga-tiga program ini akan memperoleh dua ijazah iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi yang memberikan penekanan terhadap teknologi kejuruteraan oleh pihak NIU.

Dalam majlis ini UMP diwakili Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Professor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff manakala NIU diwakili Dekan College of Engineering & Engineering Technology (CEET), Profesor Dr. Promod Vohra.

“Kolaborasi ini bakal mempererat hubungan baik UMP dan NIU sejak tahun 2010 dan usaha bersungguh-sungguh kedua-dua pihak dalam memberi nilai tambah terhadap ketiga-tiga program pengajian ini,” katanya.

Hadir sama dalam program, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid, Professor dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Professor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penolong Pendaftar Kanan, Emma Melati Burhanuddin.

Manakala pihak NIU disertai Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa, Professor Dr. Raymond W. Alden III, Dekan CEET, Professor Dr. Promod Vohra, Pembantu Dekan bagi Outreach and Undergraduate Programs, Professor Dr. Omar Ghrayeb, dan Ketua Jabatan Teknologi, Professor Dr. Cliff Mirman.

Disediakan oleh Emma Melati Burhanuddin dan Nurul Nadia Nor Hamran dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 09-03-2015, 10:08:05